

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

SOALAN NO. 489

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit dialisis dari Hospital Bentong yang telah diminta mendapatkan rawatan di Pusat Swasta disebabkan kapasiti Hospital Bentong tidak dapat menampung jumlah kes yang diterima. Apakah usaha Kementerian untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada masa ini, terdapat seramai 75 pesakit buah pinggang yang sedang menerima rawatan hemodialisis di Hospital Bentong. Manakala bilangan mesin hemodialisis di hospital ini adalah sebanyak 30 buah dan ianya mampu untuk menampung pesakit buah pinggang seramai 150 orang. Memandangkan slot untuk rawatan hemodialisis masih mencukupi, tiada pesakit buah pinggang yang diminta untuk mendapatkan rawatan di Pusat Rawatan Swasta.

Kerajaan akan sentiasa menambah dan menaiktaraf kemudahan dialisis di Negeri Pahang. Pada tahun 2019, Kerajaan telah menyediakan sebanyak RM538,000.00 bagi pembelian mesin hemodialisis dan menaik taraf kemudahan dialisis bagi Negeri Pahang. Dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh Negara yang semakin meningkat, KKM sedang berusaha memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD). Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis. Di samping itu, Kerajaan juga telah meningkatkan kemudahan bagi meningkatkan transplan buah pinggang di Malaysia.

Sekian, terima kasih.